

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-  
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN KOPERASI  
USAHAWAN GAHARU KEDAH BERHAD**

**26 NOVEMBER 2022 (SABTU)**

**9:00 PAGI**

**DEWAN DATUK ALI BAHROM, WISMA  
UNGKU A.AZIZ, KELANA JAYA**

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI      DISEDIAKAN      URUSETIA  
PROGRAM]

---

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk **Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Usahawan Gaharu Kedah Berhad (KOGAHARU).**

2. Sebelum meneruskan ucapan, saya ingin menzahirkan rasa berbesar hati saya dan mengucapkan terima kasih kepada KOGAHARU atas jemputan untuk saya merasmikan mesyuarat agung kali ini. Kehadiran dan kebersamaan anda sekalian

dalam majlis berbahagia ini amat dihargai.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga KOGAHARU kerana telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab

mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mengikut masa yang telah ditetapkan.

4. Saya yakin prestasi ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang dengan sikap yang ditunjukkan Anggota Lembaga yang sangat

komited ini.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

5. Dalam koperasi, anggota menjadi tunjang dan nadi kepada maju mundur koperasinya. Setiap seorang tidak kira anggota Lembaga, barisan



kepimpinan/pengurusan mahupun anggota mempunyai peranan penting masing-masing. Komponen ini saling bergantung dan berkesinambungan peranan dan sumbangan mereka.

6. Koperasi bergerak atas sokongan anggotanya kerana ia dimiliki dan

dikawal secara demokrasi oleh anggota. Anggota berperanan memilih dan melantik pemimpin yang berkebolehan dan berwibawa. Ini kerana Lembaga koperasi bertanggungjawab untuk melaksanakan segala dasar yang

telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.

7. Oleh itu, kepimpinan koperasi perlu memantapkan kerangka tadbir urus bagi memastikan perjalanan pengurusan dengan lancar. Koperasi harus mengubah paradigma ke arah

pembangunan koperasi secara holistik dengan tadbir urus yang cekap, telus, mengutamakan akauntabiliti dan berwibawa.

8. Barisan Anggota Lembaga dan pengurusan koperasi juga perlu sentiasa memperlengkapkan diri

dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan dan teknologi terkini mengenai bidang perniagaan, industri dan hal-hal berkaitan yang boleh membantu memajukan koperasi.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

9. Mengikut perangkaan interim **Jun 2022, SKM** bilangan koperasi berjumlah **14,975 buah** di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu seramai **7,039,472 juta orang**. Manakala modal syer/yuran pula berjumlah **RM16,520.49 juta** dan aset sebanyak **RM156,181.16 juta** yang

menjana perolehan sehingga **RM22,363.36 juta.**

10. Peningkatan jumlah koperasi berserta keanggotaan, syer, aset dan perolehan walaupun bukan pada jumlah yang besar adalah perkara yang perlu dibanggakan.

11. Ini menunjukkan masyarakat masih yakin terhadap kemampuan koperasi membawa perubahan kepada sosioekonomi. Namun untuk mengekalkan keyakinan masyarakat bukanlah mudah. Koperasi digalakkan mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi memastikan pendapatan dapat



dijana dengan lebih baik.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

12. ANGKASA sentiasa komited membantu koperasi merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi agar mampu dan bersedia untuk

melibatkan diri dalam perniagaan yang berimpak tinggi melalui pelan perniagaan komprehensif yang dirancang. ANGKASA sentiasa membuka peluang kepada koperasi-koperasi yang berpotensi dan berminat untuk terlibat dalam jaringan perniagaan.

13. Ini selaras dengan tanggungjawab ANGKASA yang telah dipersetujui dalam Aspirasi Koperasi Malaysia, iaitu berperanan merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi dengan mengenal pasti dan memajukan bidang perniagaan baharu,

membangun dan memperkuat  
perniagaan sedia ada.

14. Akhir kata, semoga mesyuarat  
agung kali ini menghasilkan resolusi  
yang dapat menggerakkan koperasi  
ke arah yang lebih produktif, berdaya

saing seterusnya memperkasakan ekonomi koperasi.

Dengan lafaz  
Bismillahirrahmaanirrahim, saya  
dengan ini merasmikan Mesyuarat  
Agung Tahunan KOGAHARU Tahun  
2022. Sekian, terima kasih.